

[ FOTO ZAIN AHMED/BH ]



Tumpuan sekarang ialah kepada pengambilan Central Park, Johor Bahru yang dilancarkan pada 2017. Pembangunan Central Park mengikut jadual dengan Fasa 1 sedang berjalan”

**Brian Iskandar Zulkarim,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
DBhd

Brian Iskandar (dua dari kanan) ketika pelancaran projek bandar bersepadu, Central Park dengan usaha sama Country Garden yang bakal pacu aliran tunai syarikat.

# DBhd kenal pasti tiga projek tambah aliran tunai

➤ Syarikat percepat pembinaan hartanah mampu lonjak prestasi margin, untung bersih

Oleh Suffian A Bakar  
suffian@nstp.com.my

**D**amansara Realty Bhd (DBhd) mengenal pasti tiga projek pemangkin utama di bawah segmen bangunan hartanahnya yang akan memainkan peranan penting dalam menambah baik aliran tunai dan keuntungan kumpulan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Brian Iskandar Zulkarim, berkata projek itu ialah Central Park, Aliff Square 1 dan 2, dan Damansara Hills.

Beliau berkata, Central Park adalah usaha sama dengan Country Garden bagi pemban-

gunan perbandaran bersepadu di Johor Bharu, manakala Aliff Square 1 dan 2 ialah pembangunan komersial di Tampoi, Johor. Damansara Hills pula adalah pembangunan hartanah di Kuantan, Pahang.

### Sasar pasaran tempatan

“Tumpuan sekarang ialah kepada pengambilan Central Park, Johor Bahru yang dilancarkan pada 2017.

“Pembangunan Central Park mengikut jadual dengan Fasa 1 sedang berjalan,” katanya dalam e-wawancara dengan *BH* baru-baru ini.

Brian berkata, dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar



### Damansara Realty Bhd

- ➔ Central Park usaha sama dengan Country Garden bagi pembangunan perbandaran bersepadu di Johor Bharu
- ➔ Aliff Square 1 dan 2 ialah pembangunan komersial di Tampoi, Johor
- ➔ Damansara Hills pula adalah pembangunan hartanah di Kuantan, Pahang

(GDV) RM3.5 bilion untuk tempoh lima tahun akan datang, pembangunan bersepadu itu merangkumi 10,000 unit kediaman, komersial dan kemudahan dijadualkan siap menjelang 2025.

Disasarkan bagi pasaran tempatan, ia ditawarkan pada harga bermula RM200,000.

“Penawaran harga itu bagi menangani ketidaksepadanan bekalan dan permintaan bagi kediaman pada harga berpatutan dan mengelak pasaran segmen mewah yang sukar untuk dijual,” katanya.

Beliau berkata, dalam tahun kewangan 2017, cabang pembangunan hartanah DBhd adalah penyumbang terbesar kepada

keuntungan dengan RM11.8 juta yang membantu kumpulan mencatat untung bersih RM17.8 juta berbanding kerugian bersih RM27.8 juta tahun lalu.

Dalam suku kewangan pertama 2018, pendapatan segmen pembangunan hartanah katanya berkembang lebih 33 kali kepada RM6.8 juta berbanding RM206,000 sebelumnya, disumbang terutama oleh jualan pembangunan Damansara Hills 1 di Kuantan, Pahang dan Aliff Square 2 di Tampoi, Johor.

“Kami memberi tumpuan dalam mempercepatkan projek hartanah yang dapat menambah baik prestasi margin, aliran tunai dan untung bersih,” katanya.